

Pelanunan Di Selat Melaka Sekitar Abad Ke-19: Pensalahtafsiran Pihak Barat

Piracy in the Malacca Strait Around 19th Century: The West Missconception

Ibrahim Ahmad¹, Faris Ahmad² & Shariff bin Harun³

ABSTRAK

Artikel ini akan membincangkan perompakan yang berlaku di Selat Melaka sekitar abad ke-19. Mengikuti catatan para pentadbir kolonial dan penulis Barat, khususnya Inggeris dan Belanda, abad ini menyaksikan kegiatan merompak di laut berlaku secara berleluasa di perairan pantai Barat negeri-negeri Melayu sehingga mengancam kepentingan politik dan ekonomi pihak Barat yang menguasai aktiviti perdagangan di Selat Melaka. Walau bagaimanapun, tindakan pihak Barat yang melabel semua peristiwa merompak di laut atau muara-muara sungai sebagai kegiatan melanun ternyata memberi implikasi mendalam terhadap bangsa dan pelaut Melayu. Walaupun kajian ini terhad kepada kegiatan merompak di perairan Selat Melaka sahaja, namun terbukti bahawa banyak faktor yang mendorong kepada kemunculan kegiatan tersebut. Penglibatan penduduk setempat, Orang Laut, Illanun, Balangingi dan orang Cina serta sokongan golongan pembesar tempatan dalam kegiatan merompak di laut menyebabkan pihak Barat khususnya Inggeris menyamakan kegiatan merompak di laut dengan kegiatan melanun, lantas mereka melancarkan operasi membanteras kegiatan ini secara besar-besaran. Hal ini tidak terkecuali apabila peperangan dan pergolakan politik di negeri-negeri Melayu turut membuka ruang kepada pihak Barat untuk melabel pejuang-pejuang Melayu sebagai lanun walaupun pada hakikatnya mereka mempertahankan hak dan tanah air daripada penjajahan. Tanpa mempedulikan tradisi dan budaya hidup tempatan, pihak kolonial menghukum mereka yang terlibat dalam kegiatan merompak di laut melalui perundangan Barat. Namun, kajian ini mendapati bukan semua pihak boleh dilabel sebagai lanun walaupun aktiviti yang dilakukan bercirikan pelanunan. Justeru, bangsa Melayu khususnya tidak harus menjadi mangsa dasar imperialisme kolonial yang cuba menurunkan taraf mereka daripada masyarakat pelayar, pedagang dan pendakwah kepada masyarakat yang ganas dan tidak bertamadun.

Kata kunci: *Perompakan, melanun, Selat Melaka, masyarakat Melayu, kolonial, pensalahtafsiran*

ABSTRACT

This article will discuss the piracy that occurred in the Malacca Strait around the 19th century. According to the records of the colonial administrators and Western writers,

¹ Pensyarah Pengajian Umum UniKL RCMP Ipoh, Perak, ibrahima@unikl.edu.my

² Pensyarah Pengajian Umum UniKL Malaysian France Institute, Kulim, Kedah, faris@unikl.edu.my

³ Pensyarah Pengajian Umum UniKL RCMP Ipoh, Perak, shariffharun@unikl.edu.my

especially English and Dutch, this century saw the sea banditry rampant in the waters off the west coast of the Malay states, threatening the political and economic interests of the West to dominate trading activity in the Strait of Malacca. However, the actions of the West's labeling of all events robbery at sea or estuaries as piracy was profound implications for the nation and Malay sailors. Although the study was limited to banditry in the Straits of Malacca, but it was evident that many of the factors that led to the emergence of these activities. The involvement of the locals, the Orang Laut, Illanun, Balangingi and the Chinese people and the support of the local authorities in banditry at sea caused by the West, especially Britain banditry at sea level with piracy, then they launched an operation to curb the massive. This is no exception when war and political upheaval in the Malay states also open up to the West to label the Malay fighters as pirates despite the fact that they retain the right and the homeland from occupation. Regardless of local traditions and culture, the colonial punish those involved in banditry at sea through western legislation. However, the study found that not everyone can be labeled as a pirate, although the activities undertaken characterized by piracy. Thus, the Malays specifically are not being a victim of colonial imperialism which tried to reduce their levels of society browsers, traders and missionaries to the savage and uncivilized.

Keywords: *Piracy, the Straits of Malacca, the Malay community, colonial, misconception.*

Pengenalan

Sejak abad kelima masihi lagi kawasan Selat Melaka menjadi laluan utama kapal-kapal dagang yang berulang-alik dari China dan India serta wilayah di sekitarnya. Keadaan ini semakin memuncak hingga menjadi laluan antarabangsa yang sibuk setelah wujud Kerajaan Melayu Melaka pada awal abad ke-15 Masihi (Ahmad Jelani Halimi, 2006). Keunggulan *thalasokrasi* atau potensi ekonomi yang wujud di persekitaran Selat Melaka pula menjadi daya penarik kepada pelbagai kegiatan ekonomi bercorak kelautan terutamanya dalam kalangan masyarakat tempatan. Malahan, kewujudan perundangan Melayu seperti *Hukum Kanun Melaka*, *Undang-undang Laut Melaka*, *Undang-undang Kedah*, *Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak*, *Undang-undang Perahu* dan *Undang-undang Belayar* menandakan pelaut dan pelayar Melayu merupakan bangsa yang bertamadun dan mempunyai corak kehidupan tersendiri seperti bangsa-bangsa yang lain.

Berdasarkan catatan dan rekod-rekod yang disimpan di arkib dan perpustakaan sama ada di dalam mahu pun luar negara khususnya di *Colonial Office*, kegiatan melanun memang berlaku secara berleluasa pada akhir abad ke-19 di pesisiran Selat Melaka. Kegiatan ini dianggap 'kronik' kerana mengancam keselamatan dan aktiviti pedagang di perairan Selat Melaka. Tambahan pula, 'lanun-lanun' bukan sahaja menyerang perahu-perahu tempatan malah berani 'melanun' kapal-kapal Eropah yang berdagang di perairan Melayu termasuklah kapal-kapal British seperti *Malacca*, *Commerece*, *Sultana*, *Lord Melbourne*, *Young Queen* dan *Anna* manakala kapal-kapal Perancis pula ialah *Sabine* dan *A.S. Friendship* (Tan Ding Eing, 1975).

Persoalan dan Persepsi

Kebanyakan pengkaji sejarah *Euro-centric* melabel para pelaut dan pelayar Melayu sebagai *pirate* melalui karya-karya masing-masing. Antaranya ialah Phillip Ghosse melalui

karyanya *The History of Piracy*, Carl A. Trocki melalui karya *Prince of Pirates: The Temenggongs and the Development of Johor and Singapore 1784-1885*, Alfred P. Rubin melalui karya *Piracy, Paramountcy and Protectorates*, Nicholas Tarling melalui *Piracy and Politics in the Malay World*, James Francis Warren melalui bukunya *The Sulu Zone 1768 – 1898* dan G.A. Henty melalui naratifnya *Among Malay Pirates: a Tale of Adventure and Peril*. Selain itu, tajuk-tajuk akhbar Inggeris seperti *The New York Times* bertarikh 14 Jun 1874, “Malay Pirates. The Slaughter of Ship’s Crew – Quick Retribution” jelas melabel orang Melayu sebagai lanun. Bahkan kegiatan melanun dalam kalangan penduduk tempatan di perairan Selat Melaka dibincangkan secara khusus oleh C.M. Turnbull (1971) dalam karyanya *The Straits Settlement 1826 – 67: Indian Presidency to Crown Colony*. Melalui bab *Piracy*, Turnbull pula membincangkan pelbagai aspek pelanunan yang menggugat kepentingan Syarikat Hindia Timur British dan tindakan pihak British untuk membanteras kegiatan ini.

Lebih mendukacitakan persepsi ini turut meresap ke dalam pemikiran masyarakat tempatan apabila mereka turut menyamakan kegiatan merompak di Selat Melaka seperti *pirates* dan *piracy* hingga menjadi sebahagian daripada subtopik dalam buku-buku sejarah tempatan. Justeru, persepsi ini seharusnya tidak dibiarkan bersarang dalam pemikiran generasi masa kini yang akhirnya akan memalukan bangsa sendiri.

Beberapa Insiden Perompakan di Selat Melaka

Berdasarkan beberapa insiden perompakan di Selat Melaka, pentadbir British mengklasifikasikan mereka yang menyerang dan merampas di laut sebagai lanun. Hal ini memang berbeza dengan pendirian para pejuang Melayu di Kedah seperti Tunku Muhammad Saad, Wan Muhammad Ali, Tunku Kudin dan Tengku Long Puteh yang menentang penjajah Siam dan menganggap ia sebagai perang jihad atau *fisabilillah* kerana mereka berperang dengan orang kafir. Namun, Gabenor Ibbetson telah mengeluarkan perisytiharan bahawa mereka yang terlibat menyerang Kedah akan dianggap sebagai lanun. Menurut A. P. Rubin (1974), hal ini terbukti melalui arahan beliau kepada Pesuruhjaya Polis Seberang Perai, iaitu,

.... any person residing there who aid or abet the ex-Sultan of Kedah in making ini attack on Kedah “will be treated as pirates”.

Bagi memuaskan hati pihak Siam seperti yang termaktub dalam Persetiaan Burney (1826), pihak British menjadikan kegiatan melanun sebagai alasan untuk menyekat dan menahan pejuang-pejuang Kedah. Kapal-kapal British yang bertugas mengawal perairan Kedah diarah mengangap para pejuang Kedah sebagai lanun. Dalam hal ini, Ibbetson telah mengarahkan kapal *H.M. Wolf* di bawah pimpinan H. Hamley mengepung Kuala Kedah, manakala kapal *Crocodile* bertindak menyekat pejuang-pejuang Kedah yang disifatkan sebagai lanun. Akibatnya, sesetengah pejuang Kedah ditahan dan dibicarakan atas tuduhan melanun, tetapi terpaksa dibebaskan lantaran ketiadaan bukti yang kukuh.

Sementara dalam insiden di Selangor pula, pentadbir British mengaitkan putera-putera Sultan Abdul Samad sebagai ‘lanun’. Antara insiden melanun yang mendapat perhatian pihak Inggeris ialah peristiwa rompakan dan rampasan dagangan sebuah perahu sekoci oleh 20 orang ‘lanun’ di Kuala Sungai Jugra pada 16 November 1873. Ketika itu,

perahu tersebut dalam perjalanan pulang dari Langat ke Melaka dan membawa enam orang awak-awak yang diketuai oleh Nakhoda Haji Abdul Rahman. Lima orang awak-awak telah dibunuh manakala seorang awak-awak Melayu iaitu Mat Said berjaya melepaskan diri. Oleh sebab keterangan Mat Said membabitkan Raja Ya'akub atau Tengku Alang yang juga mendirikan kubu tidak jauh dari tempat sekoci berlabuh (A. P. Rubin (1974), maka pihak Inggeris telah menjalankan penyiasatan sehingga tahun 1874 (J.M. Gullick, 1989).

Selain itu, British juga mengaitkan orang Cina di Tanah Melayu dengan kegiatan melanun di perairan Selat Melaka. Penglibatan orang Cina dalam kegiatan merompak di di perairan Selat Melaka memang banyak dan tidak dapat dinafikan lagi. Menurut Tarling (1963),

...In relation to the west coast states, Perak, Selangor, and Kedah, piracy had virtually disappeared by the late 1840s. The destruction of the Johore fleets played a large part in freeing the Straits from mauraders, and the settlement of the Kedah succession ended the reference to piracy in relation to that state. In the other major states, Perak and Selangor, local piracy had been generated and encouraged by civil strife and by the decay of central government. Nevertheless only petty piracy now remained, for many of the subordinate chiefs had turned to tin-mining, utilising Chinese labour and Settlement capital.

Sementara L.A. Mills (1966) pula menyatakan,

... The suppression of Chinese piracy belongs to the history of Hong Kong rather than to that of the Straits Settlement. Although the coast of China had been notorious for piracy from time immemorial it was until the nineteenth century that European governments paid much attention to it. The change was due to the increase of their commerce with the Orient. Great Britain was the power mainly responsible for the suppression of Chinese piracy. Her trade with China was much larger than that of any other nation, and the commerce of Hong Kong suffered severely from Chinese pirates in the early years of its history.

Penglibatan orang Cina dalam kegiatan merompak di pesisir pantai Perak agak ketara semasa era Perang Larut Tiga (1872 – 1873). Berdasarkan beberapa laporan yang dibuat kepada Penguasa Polis di Pulau Pinang, sebahagian besar kegiatan merompak di laut berlaku di sekitar Sungai Larut, Kuala Sepetang, Sungai Gula, perairan Kuala Kurau, Tanjung Piandang, Pantai Remis dan perairan Pulau Pangkor. Kebanyakan kumpulan ini terdiri daripada Kongsi Gelap Ghee Hin, Hai San dan Toh Peh Kong yang sering melakukan serangan dan rompakan serta digeruni oleh penduduk di sekitar perairan utara Perak. Sebagai contoh, pada tahun 1873 kumpulan Toh Peh Kong dan Hai San bersekongkol menyerang Ghee Hin di Gula, Perak. Mereka telah merampas harta benda dan membakar rumah-rumah Ghee Hin (L.A. Mills, 1977); (C.D. Cowan,1961). Selain merampas sumber utama ekonomi Ghee Hin seperti candu, balak, tongkang dan pelbagai tanaman yang ditanam di sepanjang pantai Gula, mereka juga membakar kampung, mencederakan dan membunuh penduduk di kawasan petempatan itu.

Kumpulan perompak Ghee Hin dan Ho Hup Seah yang menguasai pesisir pantai di antara Kuala Kerian hingga Tanjung Piandang pula menyerang dan merampas hasil tangkapan nelayan di perairan tersebut. Sebagai contoh, pada 23 Julai 1873, dua buah perahu penangkap ikan Cina telah diserang dan dibawa ke Kerian. Selain itu, kumpulan perompak laut Cina ini juga menyerang perahu-perahu Melayu yang membawa barang makanan terutamanya kepada musuh-musuh mereka. Antara 24 hingga 26 Julai 1873, berlaku beberapa insiden orang Melayu diserang oleh beberapa kumpulan perompak laut Cina yang lengkap bersenjata di pesisir pantai Tanjung Piandang dan Sungai Kerian. Malahan, perompak-perompak ini juga menyerang dan merampas barangan penduduk yang bersawah berhampiran pinggir laut. Walaupun pergaduhan ini pada asalnya melibatkan kumpulan kongsi gelap Cina, namun pihak Inggeris tetap melebel mereka sebagai lanun. Ekoran kegentingan di Larut, Sir Andrew Clark, Gabenor Negeri-negeri Selat menyatakan (J.M. Gullick, 1953),

.... One huge checkpoint, where nothing but fighting, and murder, and violence and piracy were going on.

Manakala insiden rompakan sebuah perahu dagang dan tiga orang awak-awaknya oleh sekumpulan 'lanun' di muara Sungai Perak pada 16 Mac 1883 juga dilaporkan sebagai kegiatan melanun walaupun berlaku di muara sungai. Mengikut laporan yang dibuat di Balai Polis Teluk Anson, sebuah perahu yang dinaiki oleh lima orang awak-awak yang lengkap bersenjata telah menyerang perahu tersebut yang sedang mudik ke muara Sungai Perak di Teluk Anson.

Situasi ini memberi peluang kepada pihak British untuk campur tangan dalam hal ehwal pentadbiran dan perundangan Melayu. Bagi kes di Selangor misalnya, Sir Andrew Clark telah mengarahkan Naib Admiral Sir Chales Shadwell, Ketua pemerintah Tentera Laut British di Laut China menghantar kapal perang ke Selangor untuk menakut-nakutkan Sultan Abdul Samad di samping membantu Tunku Kudin memusnahkan kubu-kubu lanun di kuala Sungai Jugra dan menangkap mereka yang disyaki terlibat dalam kejadian tersebut. Setelah dibicarakan lapan orang 'lanun' didapati bersalah dan dijatuhi hukuman bunuh manakala seorang lagi terlepas daripada hukuman kerana usianya terlalu muda (Buyong Adil, 1981), (C.D. Cowan, 1961). Hal demikian disebabkan pihak mahkamah gagal memperoleh sebarang bukti penglibatan Tunku Ya'kub dalam kegiatan merompak dan membunuh.

Sementara di Perak pula, pentadbir British menganggap pemimpin tempatan gagal mengawal kegiatan melanun hingga menjejaskan aktiviti perdagangan mereka. Bagi menangani insiden ini, Gabenor Ord menghantar beberapa buah kapal perang seperti *H.M.S. Avon* dan *H.M.S. Midge* untuk bertindak balas terhadap perompak-perompak laut. Pentadbir British telah menggunakan kuasa tentera laut untuk membanteras kegiatan merompak di laut yang dianggapnya sebagai kegiatan melanun. Secara tidak langsung, langkah pentadbir British menempatkan kapal-kapal perang British di pesisiran Selat Melaka mencetuskan konflik bersenjata antara pihak British dengan pelaut-pelaut Melayu yang dianggap sebagai lanun.

Etimologi Lanun dari Perspektif Alam Melayu dan Barat

Sehingga kini, tidak wujud perbahasan mahu pun polemik dalam kalangan ahli bahasa berkaitan istilah lanun. Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (cetakan 2014), istilah lanun disamaertikan dengan perompak laut dan bajak laut. Sepintas lalu, terjemahan istilah “lanun” daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris memang berpadanan dengan kata nama *pirate* yang juga merujuk kepada *sea robber* atau perompak laut, bajak laut atau lanun. Merujuk Kamus Dwibahasa (Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu, 2001), istilah ‘melanun’ dan ‘pelanunan’ juga disamaertikan dengan *piracy* bagi merujuk kepada perbuatan merompak di laut atau kegiatan melanun. Walau bagaimanapun, pengertian ini berbeza dalam bahasa Indonesia iaitu ‘bajak laut’ yang merangkumi keseluruhan kegiatan merompak tanpa wujud perbezaan antara *pirate*, *privateer* atau *corsair* (Andrian B. Lopian, 2009).

Sebelum wujud perkataan “lanun” pada awal abad ke-19, peristilahan bahasa Melayu lama menggunakan istilah “merompak atau menyamun” bagi merujuk kepada kegiatan merampas atau mengambil harta orang secara kekerasan dan paksaan sama ada di darat atau di laut. Mereka yang melakukan perbuatan ini pula dikenali sebagai “penyamun”, “pencuri”, “perompak” atau “perompak laut” (Ahmad Jelani Halimi, 2006). Berkaitan hal ini, W. Dampier telah mencatatkan komen seorang pelaut Inggeris pada tahun 1689 dalam *Voyages and Discoveries*. Mengikut Dampier (1931),

Orang-orang Melayu (*Malayans*) yang mendiami di kedua-dua belah pantai Selat Melaka, pada umumnya adalah orang-orang yang berani, tetapi saya tidak menemui dalam kalangan mereka yang ketagihkan perompakan, kecuali pencuri secara kecil-kecilan dalam kalangan mereka yang miskin.

Sementara Kassim Ahmad (1997) yang meneliti *Hikayat Hang Tuah* juga berpendapat bahawa teks tersebut yang ditulis selepas tahun 1641 masih menggunakan istilah perompak atau penyamun. Walau bagaimanapun, hal ini agak berbeza dengan *Tuhfat al-Nafis* yang ditulis sekitar tahun 1872 merupakan antara teks klasik Melayu awal yang menggunakan istilah ‘lanun’ bagi merujuk suku kaum dari Tempusuk yang membantu Sultan Mahmud menghalau Belanda dari Riau pada tahun 1781. Begitulah juga dengan *Kesah Pelayaran Abdullah* yang ditulis sekitar tahun 1880-an masih merujuk kepada kumpulan perompak suku Lanun atau Iranun (Illanun) (Abdullah Abdul Kadir Munshi, 1928). Selain itu, warkah-warkah awal Melayu juga masih menggunakan istilah perompak termasuklah suku Lanun dari Kepulauan Mindanao. Antaranya ialah surat Tunku Puan kepada Francis Light iaitu;

... inilah Tunku Puan terlalu susah menyusur2 membawa rotan ke mari terlalu susah, lagi pun perompak terlalu banyak, Kuala Selangor pun tiada boleh dia tempuh, lain perompak Lanun, lain perompak Lingga, lain perompak Melayu, kalau ada boleh dengan bolehnya Tunku ada pinjam meriam yang barang dua ela pasang panjang2 tiga hasta atau tengah tiga hasta... .

Beberapa buah kamus awal Inggeris seperti *A Descriptive Dictionary of the Indian Islands & Adjacent Countries 1856*, *Vocabulary of English and Malay 1881* dan *A Descriptive Dictionary of British Malaya 1894* juga masih merujuk istilah ‘lanun’ kepada

suku kaum Iranun. Walaupun *Vocabulary of English and Malay 1881* dan *A Descriptive Dictionary of British Malaya 1894* menterjemahkan istilah *piracy* kepada perompak atau perompakan dalam bahasa Melayu, namun masih mengemukakan contoh orang Balanini sebagai lanun (Frank Swettenham, 1881). Melalui *A Descriptive Dictionary of British Malaya*, Denny (1884) mentakrifkan *piracy*;


... the only world for pirates in Malay in perompak, and for piracy, (perompakan) the former word meaning to rob or plunder generally. Happily the crime is now almost extinct. As an indication of the way it formerly flourished, the following extract, from the first volume J.L.A., may be interesting... .

Hal ini bererti sehingga akhir abad ke-19, persepsi pihak Barat terhadap orang Iranun sebagai *pirates* yang bahaya di Kepulauan Melayu masih tidak berubah. Selain itu, laporan-laporan awal pentadbir-pentadbir Inggeris juga masih menggunakan istilah perompak sebagai terjemahan kepada *pirate*. Sebagai contoh, laporan kegiatan melanun di perairan Kuala Kurau oleh *Supt. Fort of Cornwallis* kepada James Low bertarikh 8 Februari 1827 mencatatkan, "... *They are Perompak or Pirates*". Malahan kecenderungan pihak Barat menyamakan kegiatan merompak di laut sebagai melanun telah wujud sejak awal abad ke-18 lagi. Rubin (1998) secara jelas menulis,

... From 1717, the British began to use the word 'piracy' to refer to those indigenous people who attempted to impede the trading in the Straits of Malacca.

Sementara Majlis *Privy* 1873 pula mendefinisikan, "... *Piracy is only the sea term for robbery within the jurisdiction of the Admiralty...*". Di samping itu, sebuah teks Inggeris untuk bacaan kanak-kanak *A Malay Reader (Romanized) for the use Pupils in the Second Standard of the Vernacular Schools of the Straits Settlement* yang dicetak pada tahun 1904 mencatatkan "Ada laut ada-lah perompak" juga menyamaertikan *pirates* dengan perompak. Justeru, jelaslah bahawa sehingga awal abad ke-19, pihak Barat masih menyamaertikan istilah *pirate* dengan perompak, manakala *piracy* masih dirujuk kepada kegiatan merompak atau perompakan (Virginia Matheson, 1979).

Jika istilah lanun disamaertikan dengan *pirate*, istilah ini perlu dibahas berdasarkan situasi yang berbeza, sama ada boleh dianggap sebagai perompak, perompak laut atau lanun. Perompak laut boleh ditakrifkan sebagai kegiatan jenayah yang dilakukan di dalam perairan atau yurisdiksi kekuasaan sesebuah negara dan hukumannya adalah tertakluk kepada perundangan wilayah tersebut. Begitulah juga dengan kegiatan merompak di laut yang dipimpin oleh seseorang ketua yang tidak diiktiraf dan perbuatan itu hanya dianggap menyalahi norma kehidupan pada masa itu, maka golongan ini digelar perompak sahaja (Virginia Matheson, 1979). Berdasarkan undang-undang Barat pula, sesuatu kegiatan itu hanya boleh dianggap melanun jika berlaku di luar yurisdiksi atau di perairan laut lepas sahaja. Selain itu, pelanunan juga tidak bersifat *animo furandi* atau demi kepentingan peribadi semasa menahan, merampas, memusnahkan barangan, menculik, mencederakan dan membunuh anak kapal.



Etimologi Lanun dari Perspektif Alam Melayu

Berdasarkan rajah di atas, terdapat dua situasi yang berbeza antara istilah penyamun atau perompak dengan perompak laut dan lanun. Hakikatnya, semua istilah ini mempunyai maksud yang berlainan dan tersendiri jika diambil kira penggunaannya sama ada di darat atau di laut. Dalam konteks Alam Melayu, walaupun istilah penyamun atau perompak begitu lazim digunakan, namun penggunaannya terbatas di kawasan darat sahaja. Situasi ini disebabkan perompak atau penyamun hanya melibatkan kes-kes jenayah kekerasan dan perampasan di darat sahaja.

Oleh hal yang demikian, terdapat dua situasi yang berbeza antara istilah penyamun atau perompak dengan perompak laut dan lanun. Hakikatnya, semua istilah ini mempunyai maksud tersendiri jika diambil kira penggunaannya di darat atau di laut. Dalam konteks Alam Melayu, walaupun istilah penyamun atau perompak lazim digunakan namun penggunaannya terbatas di kawasan darat sahaja. Situasi ini disebabkan perompak atau penyamun hanya melibatkan kes-kes jenayah kekerasan dan perampasan di darat sahaja.

Pelanunan dari Perspektif Melayu

Nampaknya, pentadbir-pentadbir British di Kepulauan Melayu agak keterlaluhan kerana menganggap semua kegiatan menyerang dan merampas di laut di dalam jurisdiksi Melayu sebagai kegiatan melanun. Isu pelanunan merupakan agenda *realpolitik* bagi menghalalkan tindakan kuasa-kuasa Barat melebarkan pengaruh mereka di negeri-negeri Melayu. Lantaran sukar membuktikan pelaut-pelaut Melayu terlibat dalam kegiatan merompak di laut, maka *The End Justifies Means* atau “Matlamat Menghalalkan Cara” digunakan bagi mengabsahkan tindakan mereka. Dalam konteks ini, kegiatan merompak di

laut telah dijustifikasikan sebagai kegiatan melanun, walaupun pada hakikatnya tidak memenuhi ciri-ciri pelanunan.

Realitinya, bukan semua sejarawan bersetuju dengan label lanun yang dikenakan kepada para pelaut, pelayar dan pemerintah Melayu. Berkaitan hal ini, ketika sambutan Ulang Tahun *Monograph Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* ke-130 (1877-2007), Profesor Dr Cheah Boon Kheng menyangkal dakwaan Alex Jorsey, iaitu seorang bekas wartawan Australia yang menyatakan orang Melayu tiada sejarah selain menjadi perompak lanun. Beliau berpendapat Alex Jorsey tersalah baca atau sengaja memutar belit tulisan Tarling dalam *Piracy and Politics in the Malay World* kerana karya tersebut sebenarnya menunjukkan betapa pihak British “membesar-besarkan peristiwa perompak lanun dan menggunakan istilah itu untuk mengisahkan perompak-perompak lain dan keganasan yang dihadapinya.” (Mazlan Nordin, 2009). Padahal, sebelum itu sudah wujud kecenderungan menafikan tuduhan lanun terhadap pelaut dan pelayar Melayu oleh penulis-penulis tempatan. Malahan, orang *Illanun* sendiri pun tidak pernah bersetuju istilah ini digunakan untuk menggambarkan kejahatan mereka di laut (Datu Bandira Datu Alang, 1992).

Sejarawan tempatan mula sedar situasi sebenar isu pelanunan yang digembur-gemburkan oleh kolonial terhadap para pejuang Melayu. Lantas, sebagai tindak balas mereka mula menghasilkan karya-karya yang bersifat *autonomous* bagi ‘membetulkan pensalahtafsiran’ kuasa-kuasa kolonial terhadap bangsa Melayu. Dalam erti kata lain, sejarah bukan sahaja perlu dilihat dari perspektif Alam Melayu, malah karya-karya yang dihasilkan oleh sejarawan tempatan juga perlu mencerminkan ‘watak dan perwatakan’ sebenar bangsa Melayu. Ahmad Jelani Halimi dan Andrian B. Lopian merupakan antara sejarawan tempatan yang begitu gigih meneliti aspek pelanunan dalam konteks masyarakat Melayu.

Ahmad Jelani Halimi merupakan antara sejarawan tempatan yang peka akan tuduhan pentadbir British itu. Melalui karya *Perdagangan dan Perkapalan di Alam Melayu Abad ke-15 hingga ke-19*, beliau menggunakan istilah lanun sekadar ingin membuktikan memang wujud kegiatan merompak di laut, iaitu suatu kegiatan melanun seperti yang difahami oleh pentadbir Barat. Beliau sebenarnya berusaha membahaskan secara ilmiah istilah ini dari perspektif Timur dan Barat. Bersandarkan ciri-ciri lanun yang dikemukakan oleh beberapa orang sarjana Barat dan manuskrip-manuskrip Nusantara seperti *Tuhfat al-Nafis* dan *Misa Melayu, Hikayat Siak* serta Surat-surat Francis Light, Ahmad Jelani pada hakikatnya tidak bersetuju dengan persepsi pentadbir Barat ini, sebaliknya lebih cenderung kepada istilah ‘perompak laut’ sahaja. Beliau menegaskan;

... kelihatan seolah-olah ada pertalian antara kegiatan penjajahan kuasa Barat dengan proses penentangan penduduk peribumi terhadapnya yang sering dilakukan dalam bentuk perompakan. Ada kemungkinan juga rompakan yang dilakukan itu merupakan pemberontakan terhadap pihak penjajah khususnya perompakan dan perampasan yang berlaku pada abad ke-18 dan ke-19.

Seorang lagi sejarawan tempatan yang agak serius membahaskan hal ini ialah Andrian B. Lopian. Seperti juga Ahmad Jelani, Andrian B. Lopian melalui karyanya *Orang Laut – Bajak Laut: Sejarah Kawasan Laut Sulawesi Abad XIX* juga menyongsong ke arah perspektif Alam Melayu. Hal sedemikian disebabkan penggunaan istilah *bajak laut*

hanyalah sekadar menyesuaikan dengan maksud *pirate*. Secara tidak langsung, penggunaan istilah 'bajak laut' dalam istilah Indonesia untuk *pirate* ternyata berupaya membangkitkan 'semangat baharu' kepada sarjana tempatan untuk terus meneroka ketepatan penggunaan istilah ini dari perspektif Melayu. Bahkan, melalui karya ini, beliau berjaya menghuraikan secara terperinci beberapa aspek berkaitan 'pelanunan' khususnya di sebahagian besar perairan Melayu.

Bahkan pihak Belanda juga menganggap puak Iranun sebagai satu "ras yang berperangai keji" lantaran tindakan ganas mereka semasa merompak di laut (J. F. Warren, 1974). Persepsi pihak Barat ini mencetuskan ketidakpuasan hati seorang bangsawan daripada suku ini, Datu Bandira Alang. Beliau bersungguh-sungguh menafikan pandangan pihak Barat yang mengaitkan nama sukunya dengan kegiatan merompak di laut lalu. Datu Bandira (1992) menulis,

Kajian ini juga cuba menangkis atau membersihkan semua tohmahan yang negatif terhadap masyarakat Iranun, terutamanya oleh penulis-penulis Barat yang merakamkan sejarah masyarakat ini dengan titik-titik hitam.

Demi mempertahankan maruah bangsanya, beliau sebaliknya menyatakan bahawa Iranun mempunyai makna yang lebih murni dan menjelaskan;

... Iranun bermaksud berkasih-kasih. Yang dimaksudkan berkasih-kasih di sini ialah wujudnya sistem hubungan sosial yang amat erat, yang terikat oleh tali persaudaraan yang amat intim, dilandaskan kepada sistem kerjasama dan gotong royong.

Seterusnya, beliau memetik penjelasan Profesor Dr Mamitua Saber yang ditemuinya ketika membuat kajian iaitu;

Perkataan Illanun atau Iranun lahir daripada kesilapan sebutan yang dilakukan oleh orang Sepanyol untuk merujuk orang Meranao yang mereka panggil sebagai Marano (dengan huruf 'e' pepet), yang bermaksud orang Ranao atau Orang Tasik. Sementara penulis berbangsa Inggeris, Belanda, dan Sepanyol dan lain-lain menggunakan perkataan Illanun untuk merujuk masyarakat Mindanao yang pada suatu ketika dahulu terkenal sebagai pedagang dan ahli pelayaran dari Filipina yang juga sebahagian daripada Filipina.

Tidak dapat dinafikan bahawa sebahagian besar para penulis Barat yang terdiri daripada pegawai tadbir, pengembara, mubaligh dan sebilangan sarjana membuat catatan tersebut dengan tujuan menjaga kepentingan kerajaan mereka di samping mempertahankan kewajaran serta kedudukan mereka di rantau ini. Hal ini dapat diteliti melalui tajuk laporan, minit mesyuarat dan surat berkaitan yang menggunakan istilah *pirates* dan *piracy*. Kebanyakan laporan dan surat ini disimpan di Jabatan Arkib Negara Malaysia, *National Archives of India*, *National Library of Singapore* dan beberapa buah perpustakaan di negara-negara Barat terutamanya Britain dan Belanda. Misalnya, di Arkib Negara Malaysia tersimpan laporan 'Relative to Pirates at the Mouth of Perak River', surat makluman oleh Haji Mustaffa 'Covering Letter from the Penghulu of Ulu Bernam Reporting a Case of Piracy at Kuala Biram'. Selain itu, mereka juga ingin membuktikan

dakwaannya bahawa merekalah yang membawa tamadun ke tanah jajahan tersebut (Datu Bandira, 1992). Natijahnya, istilah 'lanun' telah mengakibatkan berlaku pertembungan antara nilai 'sopan dan beradab' masyarakat tempatan dengan nilai-nilai 'pemberontak dan bengis' seperti yang digambarkan oleh para penulis Barat melalui karya-karya mereka.

Beberapa orang sejarawan Barat juga mengingatkan betapa perlunya penelitian terhadap penggunaan istilah-istilah Barat agar konotasinya menjurus dalam konteks Alam Melayu. Bak kata peribahasa Melayu, 'Lain padang lain belalang, lain lubuk lain ikannya.' Sebagai contoh, bagi kes menyerang di laut bagi membebaskan tanah air daripada penjajah, Nicholas Tarling merumuskan bahawa memang wujud kes-kes rompakan dan keganasan di Alam Melayu, namun tidak munasabah untuk mengkategorikannya sebagai pelanun (Tarling, 1963). Berdasarkan pandangan ini jelas membuktikan bahawa kegiatan ini hanyalah merupakan perompakan biasa sahaja dan tidak layak dikategorikan sebagai kegiatan melanun.

Selain itu, Nicholas Tarling juga berpendapat bahawa mengkategorikan kegiatan merompak di laut di Asia Tenggara dengan *piracy* dalam konsep Barat adalah kurang tepat. Dalam hal ini, Tarling mengakui bahawa penggunaan istilah *piracy* sebagai terjemahan kepada lanun di Asia Tenggara sebagai suatu tindakan kekerasan adalah kurang tepat. Pengakuan ini ekoran daripada peringatan J. C. Van Leur berkaitan ketidaktepatan maksud sebenar semasa melakukan terjemahan daripada istilah Eropah kepada istilah Asia Tenggara (Tarling, 1963). Namun begitu, tindakan beliau mengungkapkan, "... *piracy is considered as an honourable profession*" menunjukkan beliau sebenarnya masih kurang berhati-hati memilih istilah sebenar bagi maksud perkataan tersebut.

Pandangan Tarling turut disokong oleh J. F. Warren yang juga menganggap pihak British secara sembarangan menggunakan perkataan Illanun untuk maksud 'perompak laut' atau *Sulu pirates* (Warren, 1981). Lanjutan daripada itu, para sejarawan tempatan seperti Ahmad Jelani juga mengakui bahawa dalam konteks Nusantara terutamanya pada abad ke-16 hingga ke-19, istilah lanun tidak dapat disamakan sepenuhnya dengan istilah *pirates*. Telahan awal terhadap penerimaan istilah ini mungkin disebabkan pada masa itu tidak ada padanan istilah lain yang sesuai bagi mendukung konsep tersebut melainkan nama suku Illanuns atau Iranun sahaja. Dengan erti kata lain, kemunculan istilah lanun merupakan *actus reus* iaitu sesuatu yang terhasil akibat daripada kelakuan yang menyalahi undang-undang apatah lagi orang Illanun memang terkenal dengan tabiat ganas, kejam dan tidak berperikemanusiaan semasa mereka melakukan rompakan di laut.

Sementara Alfred P. Rubin (1974) berpendapat bahawa tindakan menyamakan golongan pemberontak dengan *pirates* bukan sahaja bertentangan dengan undang-undang antarabangsa malah undang-undang British. Dalam hal ini, undang-undang British menggariskan bahawa pihak yang boleh dilabel sebagai lanun bukan sahaja melanun di perairan laut lepas malah di luar kawasan yurisdiksi sesebuah negara. Malahan, undang-undang British tidak boleh digunapakai untuk menghukum rakyat asing menyebabkan mereka yang ditangkap dilaut terlepas daripada tuduhan melanun. Sebagai contoh, Tunku Mohamad Saad yang ditangkap dan dibicarakan di Pulau Pinang telah dibebaskan pada Oktober 1840 kerana Undang-undang Perbandaran Pulau Pinang tidak boleh digunakan untuk membicarakan beliau kerana bukan rakyat British. Beliau bukan sahaja dianggap

sebagai pejuang tanah air malah J.R. Logan yang menjadi peguam beliau menganggap perjuangan tersebut seperti pemberontakan baron-baron melawan King John pada abad ke-13 dan orang Belanda melawan Sepanyol Habsburgs. Hal ini bertepatan dengan pandangan Sir Edward W.C.R. Owen, Ketua Turus Pemerintah Angkatan Laut Stesen Timur Laut India,

... I could not treat as pirates any against whom no acts of piracy had been specifically alleged, or proof obtain.

Dalam hal ini, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa ‘pelanunan’ merupakan propaganda dan strategi kuasa-kuasa kolonial yang bersekongkol dengan para orientalis Barat untuk merealisasikan dasar imperialisme mereka di negeri-negeri Melayu. Tindakan pihak Barat mengetepikan pelbagai hak masyarakat Melayu menyebabkan timbulnya ketidakpuasan hati hingga mencetuskan reaksi yang disifatkan sebagai ‘pelanunan’ untuk mengembalikan hak-hak mereka yang dirampas melalui penipuan dalam pelbagai perjanjian. Justeru, usaha gigih yang bersifat *eugenic*, iaitu kajian tentang kaedah untuk memperbaiki keturunan bangsa manusia perlu dilakukan segera demi membetulkan pensalahaftiran label ‘lanun’ dan menyangkal tuduhan melampau terhadap bangsa Melayu di Kepulauan Melayu amnya.

Sesungguhnya, kewujudan mereka yang dilabel sebagai ‘lanun’ merupakan simptom awal gerakan anti penjajahan malah wujud semangat jihad *fisabilillah* kerana turut disertai oleh tokoh-tokoh agama Islam. Walaupun terdapat sesetengah sejarawan Barat yang mengesyorkan agar kajian sejarah Asia Tenggara dikaji dari sudut pandangan masyarakat tempatan dan penulisan yang bersifat autonomi, namun para sejarawan dan pemikir Melayu tidak harus meletakkan tanggungjawab ini sepenuhnya kepada mereka. Justeru, para sejarawan khususnya perlu berhati-hati menghukum mereka sebagai *pirata communis hostis omnium* (lanun musuh bersama umat manusia) kerana ia merupakan sebahagian daripada strategi kolonial untuk mengukuhkan kekuasaan mereka di rantau Alam Melayu.

Kejayaan yang dicapai hanyalah untuk kepentingan kuasa-kuasa penjajah, khususnya Inggeris. Dengan menjadikan pelanunan sebagai faktor yang mengancam ekonomi, negeri-negeri Melayu akhirnya dijajah oleh kuasa British dan memberi peluang kepada mereka membolot kekayaan negeri-negeri itu. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa pelanunan merupakan suatu alasan dan helah baru Barat bagi mengukuhkan imperialisme demi menghalalkan tindakan menyerang dan menindas pejuang yang dianggap sebagai musuh. Pentadbir Inggeris tanpa segan silu mengaitkan sesuatu peristiwa perompakan di laut dengan pelanunan.

Tuntasnya, memang wujud banyak perbezaan antara sebab dan motif pelanunan di Selat Melaka dengan sebab dan motif *pirates* berdasarkan tafsiran Barat. Para sarjana tidak harus membiarkan permasalahan ini terus mencetuskan kontroversi dalam sejarah Alam Melayu apatah lagi kajian dalam bidang ini masih lagi berkurangan; barangkali disebabkan kekurangan sumber sejarah dan menyebabkan penjajah memanipulasi sejarah Alam Melayu hingga menjejaskan martabat bangsa Melayu serta keagungan Kesultanan Melayu. Lebih malang lagi, banyak penulisan yang dihasilkan mencerminkan pemikiran sarjana Barat kerana kekurangan sumber sejarah dan karya tempatan sebagai rujukan. Tambahan pula, abad ini menyaksikan perkembangan gerakan

orientalisme yang sangat memusuhi umat Islam, termasuklah menuduh pejuang dan pelayar Melayu sebagai *pirate* demi menghalalkan matlamat kolonialisme mereka.

Justeru, memang benar bahawa sering berlaku salah konsep dalam proses alih bahasa terutamanya terjemahan daripada bahasa Barat kepada bahasa Timur atau sebaliknya (J.C. Van Leur, 1960). Hakikatnya, istilah yang telah berubah erti dan mempunyai konotasi negatif ini merupakan strategi kolonial untuk memecah belahkan masyarakat Melayu. Mengikut Mohd. Yatim Othman (1994),

.... penggunaan perkataan 'lanun' agak *arbitrary*, mungkin dapat menyesuaikan kehendak sesuatu pihak pada satu-satu zaman tertentu tetapi tidak semestinya diterima dengan sepenuhnya oleh suatu pihak yang lain. Begitulah perkataan itu telah digunakan dengan sewenang-wenangnya dalam konteks sejarah tanah air kita ini.

Kesimpulan

Pelanun merupakan suatu versi sejarah yang ditulis oleh para pegawai dan sarjana Barat dalam usaha menafikan pencapaian politik, ekonomi, dan sosiobudaya masyarakat Melayu. Mereka mengemukakan pelbagai alasan demi menghalalkan misi dan visi mereka di sini untuk menguasai pelbagai sumber ekonomi di negeri-negeri Kepulauan Melayu. Tambahan pula, ketidakstabilan politik akibat perang saudara dan wujudnya tekanan golongan pedagang asing yang hanya mementingkan keuntungan semata-mata memberi peluang kepada pihak Barat, khususnya Belanda dan Inggeris untuk campur tangan dalam hal ehwal politik tempatan. Pihak Inggeris menjadikan ancaman lanun di Selat Melaka sebagai salah satu sebab untuk mereka mencampuri urusan hal ehwal pentadbiran tempatan. Setelah menguasai Negeri-negeri Selat mereka menjadikan alasan ini sebagai 'pintu' untuk meletakkan Residen British di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan.

Oleh sebab kegiatan menyerang dan merampas di laut tidak menepati ciri-ciri pelanun seperti yang digariskan melalui perundangan antarabangsa, berlaku di dalam jurisdiksi pemerintah, mempertahankan hak dan bersifat nasionalisme, maka mereka lebih layak digelar sebagai perompak laut sahaja. Justeru, tuduhan lanun oleh pegawai-pegawai Barat terhadap pelaut-pelaut Melayu dan bangsa-bangsa lain pada masa itu adalah tidak tepat dan mempunyai motif imperialisme. Istilah tersebut bukan sahaja menimbulkan kekeliruan terhadap maksud sebenar lanun, malah menyebabkan berlaku pensalahtafsiran terhadap kegiatan pelaut dan penguatkuasa Melayu. Menyedari hakikat ini, penulisan sejarah maritim Melayu khususnya perlulah bersifat 'autonomous', iaitu mestilah mengambilkira pelbagai faktor yang wujud dalam pensejarahan tersebut. Hal ini bertepatan dengan pandangan Abdul Rahman Hj. Abdullah (1994), iaitu,

Sebagai bekas tanah jajahan, pengkajian tentang tema anti-penjajahan ini sejak lama dipengaruhi oleh pendekatan *Euro-centric* atau *Anglo-centric* yang menganggap tokoh-tokoh penentang penjajah itu sebagai penderhaka atau lanun belaka. Dan kemudiannya dengan kebangkitan semangat nasionalisme, sebagai reaksi terhadapnya, timbullah pendekatan *Asia-centric* atau *Indo-centric* yang lalu menganggap bahawa para penentang itu tidak lain merupakan pejuang atau pahlawan bangsa.

Rujukan

- Abdullah Abdul-Kadir Munshi. 1928. *Kesah Pelayaran Abdullah*. Singapore : Malaya Publishing House Limited.
- Abdul Rahman Hj. Abdullah. 1994. *Gerakan Anti Penjajahan di Malaysia 1511-1950: Pengaruh Agama dan Tarikat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan Sdn. Bhd.
- “*A Malay Reader (Romanized) for the use Pupils in the Second Standard of the Vernacular Schools of the Straits Settlement*”. Singapore : Kelly & Walsh, Limited. (t.t)
- Ahmad Jelani Halimi, 2006. *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andrian B. Lapian, 2009, *Orang Laut – Bajak Laut – Raja Laut: Sejarah Kawasan Laut Sulawesi Abad XIX*. Jakarta : Komunitas Bambu.
- Datu Bandira Datu Alang. 1992. *Iranun: Sejarah dan Adat Tradisi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gullick, J. M. 1989. *They Came To Malaya: A Travellers' Anthology*. Oxford in Asia Paper Back.
- Henty, G. A. 1889. *Among Malay Pirates; a Tale of Adventure and Peril*. Chigaco : M.A. Donohue & Co.
- Warren. J. F. (1981). *The Sulu Zone 1768*. Singapura: Singapore University Press.
- Kamus Dewan* (Edisi Keempat). 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dwibahasa* (Bahasa Inggeris – Bahasa Melayu), Edisi Kedua. 2001. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad. 1997. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Light Letters MS 40320/4* – Surat Tunku Puan kepada Francis Light yang memaklumkan akan perompak Lanun di Kuala Selangor dan ingin mendapatkan dua pucuk meriam berserta harganya. Surat Tunku Puan kepada Francis Light (t.t).
- “Malay Pirates. The Slaughter of a Ship’s Crew – Quick Retribution”. *The New York Times*, 14 Jun 1874.
- Mazlan Nordin. “Sejarah Tidak Boleh Dipadamkan”, *Utusan Malaysia*, 19 April 2009.
- Othman Mohd. Yatim. 1994. *Dinding Jajahan Istimewa di Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Rubin, A. P. 1974. *Piracy, Paramountcy and Protectorates*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Rubin, A. P. 1998. *The Law of Piracy*, 2nd ed. Irvington-on-Hudson, N.Y.: Transnational Publisher.
- Straits Settlement Factory Record, Vol. 5*. Laporan Supt. Fort of Cornwallis kepada James Low. Arkib Negara Malaysia : Kuala Lumpur.
- Tan Din Eing, 1975. *Sejarah Malaysia dan Singapura*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Tarling, N., 1963. *Piracy and Politics in the Malay World*. Singapura : F. W. Donald Moore Gallery.
- Turnbull, C. M. 1972. *The Straits Settlements 1826 – 67: Indian Presidency to Crown Colony*. London: Oxford University Press.
- Van Leur, J. C. 1960. *Indonesian Trade and Society: Essays in Asian Social and Economic History*. Bandung : Sumur Bandung.
- Victor Purcel, 1997. *Orang-orang Cina di Tanah Melayu*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- William Dempier. 1931. *Voyages and Discoveries* (ed. by Clennell Wilkinson). London: Agronout Press.
- Winstedt, R. O. 1932. *An English – Malay Dictionary*. Singapore : Kelly & Walsh, Limited.